

AKTIVISME PARTI POLITIK BERINTENSITI TINGGI: KAJIAN KES DI NEGERI TERENGGANU

Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar^{1*}, Che Hamdan Che Mohd Razali², & Muhamad Fazil Ahmad³

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

²Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

³Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

*E-mail: rohila.ganti@umt.edu.my

1. PENGENALAN

Program parti merupakan nadi kepada parti politik. Masyarakat umumnya sedar akan kewujudan dan kefungsiannya sesebuah parti politik di kawasan mereka melalui penganjuran program parti. Ke kerapannya dan keaktifannya sesebuah parti politik menganjurkan program juga memberi gambaran legitimasi, kesungguhan, kekuatan dan keazaman parti untuk dikenali dan dilihat relevan (Albayrak, 2021; Wan Rohila Ganti, 2019). Program parti ini digerakkan oleh aktivis parti yang digelar Blake, Carty, & Erickson, (1991) sebagai ahli parti paling setia, patuh dan komited. Para sarjana seperti Fisher, Cutts, Fieldhouse, dan Rottweiler, (2017), Junaidi, (2017) dan Malike, Mohd Fo'ad, dan Musliza, (2013) berhujah dasar dan visi parti politik tidak akan sampai ke pengetahuan para pengundi jika program parti tidak diperkembangkan, dan aktivis parti tidak bersemangat turun padang menganjurkan program yang berkaitan parti. Spier (2014) pula merumuskan bahawa sesebuah parti politik mampu kekal relevan dalam tempoh yang lama sekiranya ia ditunjangi oleh aktivis parti yang berstruktur dan komited, serta mampu memahami konteks lokal (Low, 2014).

Jelaslah, parti politik yang aktif menganjurkan program parti lebih mudah dikenali berbanding dengan parti politik yang sepi daripada penganjuran program parti. Maka, tidak hairanlah, parti-parti politik tidak berkira mengeluarkan sejumlah peruntukan yang besar untuk menganjurkan program parti kerana sedar akan kepentingannya dalam meraih undi. Marsh, (1990) telah menyenaraikan sebelas bentuk program parti berintensiti tinggi yang diklasifikasikan kepada tiga komponen utama. Komponen pertama terdiri daripada program parti berbentuk konvensional termasuklah menyediakan platform untuk pengundi bertemu dan dengan pimpinan parti, menghadiri mesyuarat dan perjumpaan parti, dan penyertaan dalam perhimpunan politik. Penganjuran dan penyertaan dalam demonstrasi aman, protes and tunjuk perasaan dengan permit, menandatangani petisyen, dan menyatakan bantahan jatuh dalam komponen kedua iaitu protes aman. Komponen terakhir adalah protes haram tanpa permit termasuklah menawan bangunan kerajaan dan orang awam, mogok lapar, menghalang laluan, demonstrasi haram dan cubaan rampasan kuasa.

Program parti yang dirancang hanya akan sampai kepada golongan sasaran jika aktivis parti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan rasa sayang pada parti. Whiteley dan Seyd (2002) mengingatkan bahawa tidak kira sekuat mana ideologi dan dasar sesebuah parti politik, ia tetap memerlukan barisan aktivis parti untuk menterjemah dasar dan hala tuju parti kepada

pengundi. Dapatan Hamdan (2015) yang mengaitkan kekalahan teruk PAS Terengganu pada Pilihanraya Umum pada Julai, 1978 adalah antaranya kerana pekerja parti telah hilang motivasi ekoran daripada kejayaan UMNO merampas Kelantan yang telah menjadi kubu kuat PAS selama hampir 20 tahun dalam Pilihanraya Negeri pada Mac, 1978. Wan Abdul Rahman (1986) turut menemui dapatan yang sama iaitu antara punca prestasi terburuk PAS Terengganu pada tahun 1985 adalah kerana aktivis PAS yang komited tidak ramai ditambah pula dengan kelemahan struktur pembahagian tugas sesama aktivis parti. Ianya berbeza dengan UMNO Terengganu yang mempunyai barisan aktivis parti yang tersusun, sekaligus menjadi memberi persepsi positif kepada pengundi.

Politik Terengganu sangat unik. Medan pertembungan ideologi politik di antara aktivis PAS dan UMNO adalah sangat ekstrim dan kritikal (Wan Rohila Ganti, 2019 & Muhammad, (2013). Ini dibuktikan apabila sokongan jitu aktivis parti kepada PAS tidak tergugat apabila PAS meninggalkan Pakatan Rakyat yang turut membawa kepada perpecahan PAS. Kesetiaan mereka kepada PAS turut teruji apabila beberapa pemimpin utama parti meninggalkan parti dan menubuhkan parti baharu. Begitu juga dengan aktivis UMNO yang kekal setia semasa parti itu berpecah kepada tiga kem yang menyaksikan pimpinan tertinggi parti itu keluar parti dan menjadi ADUN bebas. Demikian juga apabila pimpinan parti mengambil langkah muafakat untuk mengakhiri perbalahan politik berdekad lamanya. Jangkaan awal meramalkan kesukaran untuk para aktivis kedua - dua parti melupakan sengketa politik, namun mereka membuktikan kesetiaan kepada parti apabila memilih untuk menyambut salam kerjasama di antara PAS dan UMNO.

Namun begitu, timbul kekeliruan mengenai bentuk dan format program parti yang paling berimpak kerana demografi dan lokaliti pilihanraya yang berbeza memerlukan bentuk dan format program parti yang berbeza. Literatur setakat ini hanya tertumpu kepada bentuk dan format program parti bersifat konvensional seperti berkempen dan merayu undi, mengedarkan risalah kempen politik, mengantung bendera, ceramah dan lawatan rumah ke rumah (Whiteley & Seyd, 2002). Literatur juga kerap menyatakan prestasi parti politik dalam pilihanraya adalah berdasarkan manifesto pilihanraya, calon berwibawa, mood pengundi dan isu – isu semasa. Faktor program parti yang berkesan dan aktivis parti yang komited dan tersusun tidak dikupas dengan mendalam oleh literatur. Hujah Spier (2014) dan Liow (2014) membuktikan wujudnya hubungkait signifikan di antara penganjuran program parti yang berimpak, dan barisan aktivis parti yang komited untuk menggerakkan setiap program parti dalam menentukan kemenangan dan kekalahan sesebuah parti di dalam pilihanraya. Kajian ini berhujah bahawa parti yang tidak aktif menganjurkan program di sesebuah lokaliti, dan tidak mempunyai aktivis parti yang komited akan gagal dalam pilihanraya. Maka, kajian ini berhasrat untuk meneroka bagaimana bentuk dan format program anjuran parti yang berimpak sekaligus mampu membantu parti meraih sokongan berterusan berdasarkan pengamatan aktivis parti di peringkat akar umbi, dan bagaimana peranan dan komitmen aktivis parti untuk menjayakan program - program tersebut.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini telah menggunakan kaedah temubual bersemuka secara mendalam bersama tiga puluh dua aktivis PAS dan UMNO di Terengganu. Informan telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, manakala data telah dianalisa mengikut tema melalui teknik analisis kandungan. Temubual telah dijalankan bermula November 2017 sehingga Mac 2018. Pengkaji melakukan carian informan melalui laman Facebook rasmi ‘UMNO Terengganu’ dan ‘PAS Terengganu’ dan menghantar mesej secara peribadi kepada calon informan yang aktif

memberi komen dan tanda suka pada setiap hantaran, gambar dan video serta berkongsi semula hantaran Facebook rasmi parti. Daripada 45 orang yang memberi maklumbalas, hanya 32 orang yang memenuhi ciri – ciri aktivis parti seterusnya layak untuk ditemubual. Mereka terdiri daripada 19 aktivis parti lelaki dan 13 aktivis parti perempuan, berusia dalam lingkungan 23 – 72 tahun mewakili PAS dan UMNO. Soalan temubual yang telah ditanya termasuklah (i) Aktiviti yang berkaitan parti secara harian, mingguan dan bulanan yang dianjurkan atau disertai oleh informan, (ii) Peranan informan dalam aktiviti parti dan bagaimana penerimaan informan terhadap peranan tersebut, (iii) Pandangan informan mengenai program atau aktiviti parti yang paling mudah meraih undi, dan (iv) Perasaan informan melibatkan diri dan menganjurkan aktiviti atau program parti. Soalan temubual adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian – kajian mengenai penyertaan politik daripada Cammett, (2011) dan Whiteley dan Seyd, (2002). Sesi temubual telah dirakam dengan persetujuan para informan, dengan kesemua mereka memohon untuk tidak menggunakan nama sebenar.

Bagi tujuan memastikan proses analisa data berjalan dengan telus, bersistematik dan tidak memihak, data mentah telah di analisa mengikut enam langkah yang dicadangkan oleh Ritchie, Spencer, dan O'Connor, (2003). Langkah pertama adalah memindahkan rakaman temubual kepada bentuk bertulis. Pencarian tema dan sub-tema dilakukan ke atas transkrip 72 muka surat itu secara manual. Kesemua tema yang ditemui di beri label berdasarkan 11 bentuk program parti yang senaraikan oleh Marsh (1990). Tema dan sub-tema itu kemudiannya dihapuskan atau digabungkan sekiranya ianya memiliki ciri-ciri yang sama. Langkah seterusnya adalah memahami konteks tema secara fundamental dan memadankannya dengan perbincangan aktivisme politik. Ianya diikuti dengan pengesahan dan penetapan tema akhir, sama ada konsisten dengan kajian – kajian lepas atau terdapat penemuan baharu. Langkah kelima ialah mentafsir data dalam setiap tema, membuat inferens, memadankan setiap dapatan di antara informan serta membuat interpretasi secara kontekstual. Langkah terakhir adalah proses pelaporan dapatan akhir dan analisa lengkap kajian.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati terdapat dua tema dan lima sub-tema bagi menjawab objektif kajian iaitu bentuk program parti yang paling berhasil meraih undi dan mengekalkan sokongan dari pengamatan aktivis parti (Lihat Jadual 1).

3.1 Program Kebajikan dan Kemasyarakatan

Program kebajikan dan kemasyarakatan menjadi program parti paling berimpak besar serta mampu menjadi faktor utama untuk meraih undi. Pengundi meletak harapan tinggi bahawa masalah harian dan kesukaran yang mereka hadapi dapat diselesaikan dengan segera dan berkesan oleh orang politik. Maka, parti politik yang mampu berada di lapangan sepantas mungkin ketika pengundi berhadapan masalah akan lebih mudah mendapat undi ekoran daripada reputasi baik yang mereka tunjukkan kepada pengundi.

Jadual 1: Tema dan Sub-Tema Program Parti Paling Berkesan Meraih Undi

Tema Utama	Sub-tema	Program
	Program Parti Berjadual	<ul style="list-style-type: none">• Lawatan rumah ke rumah mengikut UPU• Menghantar pesakit ke hospital
	Harian	<ul style="list-style-type: none">• Sumbangan makanan tengahari dan malam• Pemeriksaan perubatan percuma mengikut UPU• Pusat Khidmat Masyarakat beroperasi setiap hari

Program Kebajikan dan Kemasyarakatan	Mingguan	<ul style="list-style-type: none"> ● Majlis bacaan Yasin ● Mesyuarat bersama Ketua Kampung bagi mengemaskini masalah penduduk ● Kelas jahitan dan memasak di setiap DUN ● Lawatan mingguan ADUN ke pasar awam
	Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> ● Hari Sukan, pesta dan karnival ● Perjumpaan bulanan ADUN bersama masyarakat
	Bermusim	<ul style="list-style-type: none"> ● Sambutan perayaan, maulid Nabi dan kacau bubur asyura pada bulan Muharram ● Majlis penyampaian bantuan (bantuan raya, masuk sekolah, BRIM) ● Program komuniti anjuran jabatan kerajaan
	Program Parti Mengejut	<ul style="list-style-type: none"> ● Bencana alam (banjir, ribut) ● Kebakaran ● Kematian ● Isu – isu tular di media sosial
Kerja – Kerja Pilihanraya	Sebelum Pilihanraya	<ul style="list-style-type: none"> ● Lipatganda program kemasyarakatan ● Lipatganda program keagamaan ● Cula undi ● Simulasi Pilihanraya
	Tempoh Berkempen	<ul style="list-style-type: none"> ● Kempen rumah ke rumah ● Temu mata ● Penamaan Calon ● Pertemuan dalam kumpulan kecil ● Ceramah kelompok ● Kehadiran tokoh besar parti
	Hari Pilihanraya	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengambil dan menghantar pengundi

Kajian mendapati bentuk dan format program kebajikan yang dianjurkan oleh PAS dan UMNO Terengganu adalah hampir sama, ekoran daripada naratif sosio – ekonomi dan politik di Terengganu yang masih bergantung pada bantuan dan subsidi daripada parti politik. Namun UMNO lebih mendominasi kerja – kerja kebajikan dan kemasyarakatan oleh kerana mereka mempunyai dana yang besar daripada peruntukan ahli Parlimen atau ADUN, aktivis akar umbi yang lebih ramai, akses kepada jabatan dan agensi kerajaan, dan sumber yang banyak dari korporat serta anak syarikat kerajaan Negeri. Program – program ini dibahagikan kepada program berjadual dan program mengejut. Program berjadual termasuklah lawatan harian mengikut Unit Peti Undi (UPU) ke rumah – rumah terpilih sekaligus memastikan semua UPU telah dilawati dalam tempoh 5 tahun, mengambil dan menghantar pesakit ke hospital bagi yang tiada kemudahan kenderaan menggunakan van milik Pusat Khidmat ADUN, menghantar jenazah ke tanah perkuburan dan mengagihkan makanan tengahari secara percuma. Pusat Khidmat Masyarakat pula dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang bagi tujuan permohonan bantuan, penghantaran borang, mendapatkan tandatangan ADUN dan bekalan makanan asas.

PAS dan UMNO juga aktif menganjurkan program bacaan Yasin dan tazkirah pada setiap hari Jumaat melibatkan kaum wanita. Oleh kerana perbezaan ideologi parti, sesi bacaan Yasin anjuran Muslimat PAS hanya dihadiri oleh muslimat PAS sahaja, dan begitulah sebaliknya. Ini jelas menunjukkan pertembungan politik PAS – UMNO di Terengganu telah memecahbelah

masyarakat sehingga kehadiran ke majlis bacaan Yasin pun menjadi isu politik yang besar. Kedua – dua parti juga aktif menganjurkan program mesra anak muda secara bulanan seperti konvoi motorsikal, berbasikal, sukaneka dan memancing. Penganjuran karnival turut kerap diadakan sehingga ada ungkapan mengatakan Terengganu Darul Karnival. Aktivis parti mengambil kesempatan melalui kedatangan orang ramai ke karnival dengan mempamerkan kejayaan kerajaan negeri. PAS turut menganjurkan pelbagai himpunan yang menerapkan konsep yang sama dengan UMNO. Jika program UMNO berskala besar dan disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, program himpunan PAS kebanyakannya berskala kecil, diadakan di tapak markaz parti seperti di Rusila atau Kubang Lembek dan disulami dengan ceramah mega pada waktu malam yang disampaikan oleh penceramah – penceramah tersohor PAS seperti Ustaz Azhar Idrus dan Haji Abdul Hadi Awang yang mampu menarik ribuan pengunjung.

Program bermusim seperti sambutan hari perayaan dan hari kebesaran Islam turut menjadi sebahagian daripada program parti berimpak yang mampu menarik kehadiran bakal pengundi ke program parti. Aktivis parti juga sentiasa bersiap-siaga untuk menghadapi situasi luar jangka seperti banjir, kematian dan kebakaran yang mana aktivis parti akan berusaha untuk tiba di tempat kejadian seawall mungkin bagi menunjukkan komitmen parti membantu pengundi pada waktu sukar. Unit Amal, sebuah badan kebajikan milik PAS, sering menjadi yang pertama sampai di lapangan, sekaligus membawa imej baik kepada PAS sebagai sebuah parti yang meletakkan kesusahan rakyat sebagai keutamaan. Berbeza dengan UMNO yang sinonim dengan bantuan berbentuk wang ringgit dan barangan yang ternyata tidak mampu dilakukan oleh PAS, maka PAS memfokuskan kepada aktiviti berunsurkan agama yang sangat dekat dengan jiwa pengundi Melayu –Islam. Aktivis PAS mendapat reputasi yang baik di mata pengundi dalam hal berkaitan fardhu kifayah seperti pengurusan dan solat jenazah, tahlil, pengendalian sembelihan korban, bacaan doa selamat dan pengurusan tabung khairat kematian sehinggakan terdapat ungkapan popular dalam kalangan orang Terengganu iaitu ‘jika ada masalah dunia, cari UMNO, ada masalah akhirat, cari PAS’, sekaligus menjelaskan persepsi pengundi mengenai aktivis parti PAS dan UMNO.

Persaingan di antara PAS – UMNO untuk melipatgandakan kerja- kerja kebajikan ternyata memberi manfaat dua hala. Parti politik menerima undi dari rakyat, manakala rakyat pula menerima pelbagai bentuk bantuan dari parti politik, sehingga sesetengah dari mereka menerima bantuan berlebihan dari segenap penjur (Hamayotsu, 2015; Malike et al., 2013). Namun Karim, (2001) dan Scott, (1986) berbeza pandangan kerana parti politik tidak ikhlas membantu rakyat melalui eksploitasi pengundi sekaligus menafikan kebebasan memilih dalam pilihanraya. Hujah ini ditolak oleh Hamayotsu, (2015) dengan menyatakan tidak timbul isu eksploitasi dan paksaan kerana undi adalah rahsia di samping kehidupan rakyat menjadi lebih baik hasil daripada kerja – kerja kebajikan yang ditawarkan oleh parti politik.

3.2 Kerja – Kerja Pilihanraya

Dapatan kajian mendapati gerak kerja pilihanraya yang kemas dan tersusun mampu menjadi faktor kepada sokongan pengundi kepada sesebuah parti. Tema ini telah dibahagikan kepada tiga sub-tema iaitu gerak kerja sebelum pilihanraya, semasa tempoh berkempen dan hari pilihanraya. Kajian ini mendapati kerja – kerja pilihanraya secara intensif bermula setahun sebelum pembubaran Parlimen. Dalam tempoh kritikal ini, aktivis parti mula melakukan proses culaan undi bagi mengemaskini data pengundian. Proses ini adalah penting kerana jangkaan peratusan peluang untuk menang pilihanraya adalah bergantung kepada data culaan yang meliputi maklumat pengundi luar, atas pagar, condong UMNO dan condong PAS. Simulasi

pilihanraya juga dilakukan untuk mengenalpasti pengundi yang berpaling wadai, pengundi baharu, isu – isu setempat yang menjadi bualan masyarakat serta kekuatan dan kelemahan parti di mata masyarakat. Daftar pemilih juga turut disemak bagi mengenalpasti nama – nama bertindih dan meragukan. Dapatan daripada culaan dan simulasi pilihanraya dibawa ke pemukiman peringkat negeri sekaligus membantu pimpinan memikirkan calon yang sesuai dengan ‘uruf dan budaya politik di kawasan tersebut.

Tempoh berkempen dimanfaatkan sepenuhnya oleh aktivis parti untuk meraih undi dengan tumpuan utama diberi kepada pengundi atas pagar. Informan melihat tempoh kritikal ini sebagai pesta demokrasi dan berkongsi pengorbanan mereka yang tidak pulang ke rumah kerana berkampung di markaz parti, bermesyuarat sehingga larut malam, menyusun gerak kerja serta mengemaskini data di bilik gerakan. Pada waktu siang aktivis parti mengiringi calon melakukan lawatan ringkas rumah ke rumah, temu mata di masjid dan kedai kopi, pasar pagi dan pada waktu malam, menguruskan aktiviti ceramah secara berkelompok. Media sosial milik parti dan calon pula dikemaskini setiap masa. Kemuncak kempen bagi kedua – dua parti adalah ceramah mega yang dibarisi orator dan tokoh – tokoh besar parti. Pada hari pilihanraya, aktivis parti menyediakan perkhidmatan mengambil dan menghantar pengundi ke pusat pengundian, bagi memastikan kadar keluar mengundi tinggi dan peluang berada di dalam kenderaan digunakan sebaik mungkin untuk membuat rayuan terakhir. Barung panas yang dibina 50 meter daripada pusat pengundian menjadi stesen terakhir untuk aktivis PAS dan UMNO merayu undi apabila pengundi singgah untuk menyemak nama mereka. Informan turut berkumpul di tepi jalan berhadapan dengan pusat pengundian melaungkan nama parti masing – masing sambil memegang bendera dan poster calon. Antara ungkapan terkenal pada hari pilihanraya di Terengganu adalah ‘keluar Barisan, masuk Bulatan’ dan ‘Timbang dengan Dacing’.

4. PENUTUP

Umum melihat kejayaan parti dalam pilihanraya adalah kerana faktor kewibawaan calon, manifesto yang mengujakan, isu – isu semasa dan prestasi parti. Jarang sekali pengiktirafan diberikan kepada program parti yang berimpak dan sumbangan aktivis parti yang berkorban harta, tenaga, usaha dan masa. Kajian ini mendapati kombinasi aktivis yang komited dan bermotivasi tinggi, dan program parti di peringkat akar umbi yang berimpak adalah formula terbaik untuk memenangi pilihanraya terutamanya di negeri – negeri kurang maju yang masih tinggi kebergantungan pada bantuan kerajaan. Mengambil kira situasi sebelum Pilihanraya Umum 2018, PAS selaku pembangkang mempunyai barisan aktivis parti yang sangat kuat bekerja dan kerap menyantuni masyarakat namun kekurangan sumber kewangan manakala UMNO pula selaku parti pemerintah mempunyai sumber kewangan yang selesa, akses kepada agensi kerajaan dan barisan aktivis yang ramai namun lemah dalam memahami denyut nadi rakyat. Manakala, Parti Amanah Negara menawarkan manifesto yang lebih segar untuk Terengganu namun ditolak pengundi kerana tidak mempunyai aktivis parti yang kuat. Keputusan PRU2018 menyaksikan parti yang memiliki elemen kerja kebajikan dan barisan aktivis parti yang komited iaitu PAS telah memenangi pilihanraya.

5. RUJUKAN

- Albayrak, O. (2021). Comparing political participation levels of party members within the two main parties of Turkey based on their media usage and expectations. *Journal of Political Science and International Relations*, 4(1), 8-17.
- Blake, D. E., Carty, R. K., & Erickson, L. (1991). *Grassroots politicians: Party activists in British Columbia*. UBC Press.
- Cammett, M. C. (2011). Partisan activism and access to welfare in Lebanon. *Studies in Comparative International Development*, 46(1), 70–97.
- Fisher, J., Fieldhouse, E., & Cutts, D. (2014). Members are not the only fruit: Volunteer activity in British political parties at the 2010 general election. *British Journal of Politics and International Relations*, 16(1), 75–95
- Hamayotsu, K. (2015). Patronage, welfare provisions, and state–society relations: Lessons from Muslim-dominant regimes in Southeast Asia (Indonesia and Malaysia). Dlm. Fountain, R. & Feener, M. (peny.), *Religion and the politics of development* (155–176). NUS Press.
- Hamdan, A. (2015). *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013*. Penerbit UMT.
- Junaidi, A. B. (2017). Trend pengundian dalam pilihanraya umum Malaysia ke-13. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 126–149.
- Karim, L. (2001). Politics of the poor? NGOs and grassroots political mobilization in Bangladesh. *PoLAR: Political and Legal Anthropology Review*, 24(1), 92–107.
- Liow, J. C. (2011). Creating cadres: Mobilization, activism and the Youth Wing of the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS. *Pacific Affairs*, 84(4), 665–686.
- Malike, B., Mohd, F. S., & Musliza, M. (2013). Peranan wakil rakyat dalam parti politik: Isu dan cabaran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 40(July), 91–115.
- Ritchie, J., Spencer, L., & O'Connor, W. (2003). Carrying out qualitative analysis. Dlm. Jane Ritchie & J. Lewis (peny.), *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*, (219–262). Sage Publications.
- Saunders, B., Kitzinger, J., & Kitzinger, C. (2015). Anonymising interview data: challenges and compromise in practice. *Qualitative Research*, 15(5), 616–632.
- Scott, J. (1986). Everyday forms of peasant resistance. Dlm. James Scott & B. T. Kerk (peny.), *Everyday forms of peasant resistance in South-East Asia*, 5–35. Frank Cass and Company.
- Seyd, P., & Whiteley, P. (2004). British party members: An overview. *Party Politics*, 10(4), 355.
- Shaharuddin, B., & Mujibu, M. (2013). Aksi politik berlatarbelakangkan Melayu-Islam dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 di Dungun, Terengganu. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, 2(1), 37–48.
- Wan, A.R.W.A.L. (1986). Pilihanraya Umum 1986: Satu kajian kes Di Terengganu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 15–26.
- Wan, R.G. (2019). The green tsunami in Terengganu: The re-emergence of PAS. Dlm. Gomez, E & Osman, M (peny), *Malaysia's 14th General Election and UMNO's fall: Intra-elite feuding and the pursuit of power*, 16-27, Routledge.
- Whiteley, P., & Seyd, P. (1996). Rationality and party activism: Encompassing tests of alternative models of political participation. *European Journal of Political Research*, 29(2), 215–234.
- Whiteley P., & Seyd, P. (2002). *High-intensity participation: The dynamics of party activism in Britain*. The University of Michigan Press.